

25 AUG 2003

Azmi-Dialog

BANYAK LAGI PENTAS DIALOG DIPERLUKAN DALAM USAHA BASMI KEMISKINAN

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Malaysia mencadangkan agar lebih banyak pentas dialog antarabangsa diwujudkan bagi membincangkan usaha membasmi kemiskinan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid berkata walaupun telah terdapat pelbagai wadah dialog, usaha mewujudkan pentas baru akan membawa manfaat kepada kumpulan sasaran tertentu.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan program kursus "Agenda Membasmi Kemiskinan: Pengalaman Malaysia" di sini malam ini. Sebanyak 14 buah negara menghantar peserta menyertai program tiga minggu itu, antaranya Filipina, Myanmar, Afrika Selatan, Nigeria, Uzbekistan, Mesir, Sri Lanka, Uruguay, Indonesia dan Malaysia.

Beliau berkata banyak negara kini menggunakan kaedah dialog dalam usaha mencari penyelesaian masalah domestik atau antarabangsa.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering menegaskan betapa masalah yang dihadapi oleh dua pihak akan dapat diselesaikan dengan baik menerusi dialog tanpa menggunakan kaedah ketenteraan, katanya.

Menurut Azmi, program dialog seperti Dialog Antarabangsa Langkawi, Dialog Antarabangsa Selatan Afrika dan Dialog Antarabangsa Asia Timur telah terbukti mampu mengerat hubungan antara negara yang pernah bertelagah.

"Daripada berperang mereka kini boleh duduk berbincang demi kepentingan bersama. Pemimpin yang bertelagah dapat melupakan sengketa dan berjabat tangan...Situasi seperti itu akan membuka ruang kepada negara terbabit membangunkan ekonomi dan seterusnya berusaha membasmi kemiskinan," katanya.

Beliau berkata menerusi dialog, pelbagai isu membasmi kemiskinan termasuk juga tentang masalah seperti AIDS akan dapat dibincangkan.

Mengenai program itu, beliau berkata Malaysia sedia berkongsi pengalamannya dalam usaha membasmi kemiskinan luar bandar dengan negara-negara lain.

Katanya, kerjasama teknikal yang ditawarkan oleh Malaysia bakal menjadi langkah produktif kepada negara penerima mengadakan program pembangunan luar bandarnya.

"Saya berharap peserta kursus akan dapat mengkaji kejayaan pembangunan luar bandar di Malaysia dan mencontohinya atau mengadakan program yang lebih baik di negara masing-masing," katanya.

-- BERNAMA
NER KHY MOZ